

BAB DUA

PEMEROLEHAN BAHASA DAN PERINGKAT-PERINGKAT PERKEMBANGANYA

2.0 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan bahasa (definisi bahasa), pemerolehan bahasa dan peringkat-peringkat atau tahap-tahap perkembangan bahasa yang perlu di alami oleh setiap individu dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa ibunda mereka. Pengkaji juga akan melihat apakah faktor-faktor yang telah mempengaruhi pemerolehan bahasa kanak-kanak berdasarkan hasil-hasil kajian yang telah dibuat oleh sarjana-sarjana barat. Tujuan pengkaji memberikan definisi tentang bahasa dan pemerolehan bahasa serta tahap-tahapnya adalah untuk membantu pembaca lebih memahami tentang bahasa dan bagaimanakah ia diperolehi dan dikuasai oleh manusia.

2.1 Definisi Bahasa

Ferdinand de Saussure mengatakan bahasa adalah satu kesatuan yang terdiri daripada beberapa bahagian yang berhubung kait antara satu sama lain (Abu Bakar Hamid, 1978). Beliau juga mengatakan bahawa bahasa ialah satu hasil sosial daripada kebolehan dan satu kumpulan kebiasaan (*conventions*) penting yang telah diterima oleh suatu kelompok masyarakat untuk membolehkan individu-individu menggunakan kebolehan-kebolehan itu

(Hassan Ahmad, 1993). Dalam bukunya “*Course de Linguistics Generals*” (1916) beliau telah mengemukakan pendapat bahawa pada dasarnya bahasa terdiri daripada bentuk-bentuk yang berpatutan yang ada dalam otak manusia (*langue*) dan bahasa yang diujarkan oleh seseorang pada masa tertentu (*parole*). Beliau juga telah mengemukakan gagasan ‘*Signie*’ yang terbahagi dua iaitu “*Signifie*” (yang diertikan) atau makna dan “*Signifiant*” (yang dimengertikan atau bunyi bahasa). Manakala Adam Smith pula dalam bukunya “The Theory of Moral Sentiments” telah memberikan andaian bahawa bahasa timbul kerana manusia primitif memerlukan alat komunikasi untuk saling memahami antara satu sama lain (Keraf, 1975). Harimurti Kridalaksana pula telah mendefinisikan bahasa sebagai satu sistem lambang yang arbitrari yang telah digunakan oleh setiap masyarakat untuk bekerjasama, berinteraksi dan mengidentifikasi diri (Harimurti Kridalaksana, 1993). Asmah pula telah melihat bahasa sebagai lambang yang mengaitkan maksud atau fikiran manusia dengan sesuatu benda yang konkrit atau abstrak. Dengan menggunakan bahasa manusia akan dapat memahami sesuatu objek yang diujarkan (Asmah 1992). Manakala dalam bukunya “Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu,” Asmah telah menyatakan bahawa bahasa terdiri daripada sistem perlambangan yang menunjukkan perhubungan antara tuturan dan rujukan. Lambang merupakan pengwujudan konsep dan konsep adalah hasil dari persepsi kita terhadap alam sekeliling melalui pancaindera (Asmah Haji Omar, 1988). Definisi lain bagi bahasa ialah;


"language is a purely human and non instinctive method of communicating ideas, emotion and desires by means of a system of voluntarily produced symbols"

(Hartman, 1972)

Edward Sapir dalam bukunya '*Culture, Language and Personality*' mengatakan bahasa sebagai "... a system of phonetic symbols for the expressions of communicable thought and feeling...the symbols of language are differentiated products of vocal behaviour which is associated with the larynx of higher mammals..." (Sapir, 1970). Manakala dalam bukunya yang berjudul "*An Introduction to The Study of Speech*", beliau telah menekankan bahawa bahasa adalah sebagai lambang-lambang pertuturan yang digunakan oleh manusia secara arbitri dan ia menjadi simbol fonetik yang merupakan media untuk berkomunikasi (Sapir, 1921).

Pandangan ini hampir sama dengan pandangan Bloch & Tragger yang menyatakan bahawa bahasa sebagai satu sistem lambang bunyi pertuturan yang arbitri yang digunakan oleh masyarakat untuk berkomunikasi (Bloch, 1942). Bloomfield pula telah mendefinisikan bahasa sebagai sesuatu yang dituturkan atau yang diujarkan oleh seseorang individu (Bloomfield, 1933). Manakala Bollinger pula telah mendefinisikan bahasa sebagai "*Human language is a system of vocal auditory communication using conventional signs composed of arbitrary patterned sound unit and assembled according to set rules, interacting with the experience of its users*"(Bollinger, 1968).

Boleh dikatakan bahawa semua definisi di atas mempunyai maksud yang sama cuma telah diuraikan secara berlainan. Walau bagaimanapun bahasa dan linguistik adalah berbeza dari segi maksud (Wardhaugh, 1976). Sebenarnya bahasa meliputi aspek-aspek yang luas. Bloom dan Lahey (1976) telah memberikan model bahasa yang telah dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu bentuk, isi dan penggunaan seperti di bawah;



Model yang telah diberikan oleh Bloom dan Lahey di atas telah menerangkan secara ringkas apa itu bahasa yang sebenarnya dan apakah yang terkandung di dalamnya. Terdapat tiga perkara utama yang terkandung di dalam bahasa. Pertama ialah **bentuk** iaitu yang terkandung di dalamnya aspek-aspek fonologi, morfologi dan sintaksis. Fonologi adalah kajian yang berkaitan dengan bunyi yang terdapat dalam sesuatu bahasa itu. **Morfologi** pula melibatkan kajian terhadap unit-unit nahu tatabahasa manakala kajian sintaksis pula merangkumi susunan perkataan dalam sesuatu ayat. **Isi** yang dikenali juga sebagai semantik adalah merupakan satu bentuk kajian terhadap makna perkataan dan ayat yang diucapkan dalam sesuatu bahasa tersebut. Manakala

aspek penggunaan pula dikenali sebagai pragmatik yang merangkumi kebolehan atau kemahiran seseorang itu menggunakan bahasa dalam konteks yang lebih luas.

2.2 Definisi Pemerolehan Bahasa

Sebenarnya kajian tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak merupakan satu bentuk kajian terhadap pertumbuhan bahasa kanak-kanak yang merujuk kepada proses atau akibat pembelajaran satu aspek bahasa yang tertentu seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik yang akhirnya akan melibatkan pula proses pembelajaran bahasa pada keseluruhannya. Terdapat sarjana yang membezakan antara pemerolehan yang dianggap sebagai pembelajaran satu rumus linguistik, manakala perkembangan bahasa pula merujuk kepada cara menggunakan rumus-rumus tersebut seterusnya dalam situasi linguistik dan sosial yang lebih luas. Mangantar Simanjuntak telah mengistilahkan pemerolehan bahasa kanak-kanak dengan merujuk kepada pertumbuhan dan perkembangan bahasa mereka iaitu bagaimana cara seseorang itu dapat menguasai bahasa ibundanya (Simanjuntak, 1990). Beliau juga berpendapat bahawa pemerolehan bahasa merupakan satu proses yang berlaku dalam otak seseorang individu yang melibatkan perlakuan (*performance*) dan kecekapan (*competence*) (Simanjuntak, 1978).

Pemerolehan bahasa juga merujuk kepada kemampuan kanak-kanak menggunakan bahasa dalam bentuk ujaran yang mempunyai makna

berdasarkan lingkungan pengalaman, pemahaman dan tanggapannya sendiri yang berbeza daripada sistem orang dewasa (Lyons, 1990). Awang Mohd. Amin (1979) berpendapat bahawa pemerolehan bahasa adalah merupakan bagaimana kanak-kanak menguasai bahasa ibundanya atau bahasa pertama iaitu bahasa yang pertama kali didedahkan kepadanya sejak ia dilahirkan ke dunia. Pemerolehan bahasa bermaksud juga bagaimana kanak-kanak dapat menguasai bahasa pertama tanpa melalui proses pembelajaran yang formal dan intensif. Tidak dinafikan bahawa proses pemerolehan bahasa ibunda oleh seseorang kanak-kanak bermula sejak ia dilahirkan lagi sehingga ia sampai ke tahap boleh berkomunikasi dengan golongan manusia yang terdekat dengannya (Abdul Aziz Sharif, 1991). Pemerolehan bahasa kanak-kanak adalah merujuk kepada penguasaan bahasa ibunda di kalangan kanak-kanak. Proses tersebut berlaku secara tidak disedari oleh seseorang individu. Ia meliputi pemerolehan fonologi, sintaksis dan semantik bahasa pertama setiap individu yang berlaku secara serentak dan berperingkat-peringkat mengikut turutan perkembangan seseorang itu.

2.2.1 Peringkat-peringkat Pemerolehan Bahasa

Sebenarnya pemerolehan bahasa merupakan proses-proses yang berlaku di dalam otak kanak-kanak semasa memperolehi bahasa ibundanya. Ia melibatkan pemerolehan bahasa pertama yang terdiri daripada proses-proses pemahaman yang melibatkan kebolehan mengamati atau kebolehan

mempersepsi ayat-ayat yang didengar dan proses-proses penerbitan yang melibatkan kebolehan menerbitkan atau mengeluarkan ayat-ayat tersendiri. Kedua-dua proses ini apabila telah dikuasai oleh kanak-kanak akan menjadi kebolehan linguistiknya. Pemerolehan bahasa terdiri daripada proses-proses yang berlaku semasa kanak-kanak sedang menanamkan tatabahasa ibundanya dan sewaktu beliau menguasai perlakuan atau penerapan tatabahasa ini dalam pemahaman dan penerbitan ayat (Simanjuntak, 1982). Pemerolehan bahasa bayi akan meningkat sedikit demi sedikit dan berperingkat-peringkat mengikut perkembangan otaknya dan semakin meningkat usianya. Biasanya proses pemerolehan bahasa itu kelihatan seperti satu keadaan yang seolah-olah sudah terjadual sifatnya. Mengikut Teori Biologis, sejak anak itu lahir, memang sudah ada satu kebolehan menggunakan bahasa. Kebolehan ini dinamakan jentera pemerolehan bahasa (Kamaruddin Hussin, 1988).

Daripada kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini, didapati bahawa kanak-kanak selalunya dapat memperolehi atau menguasai bahasa secara berperingkat-peringkat iaitu dari masa masih bayi lagi kanak-kanak telah mempelajari bahasa secara tidak formal di mana proses pembelajaran sebenarnya berlaku dengan secara tidak disedari dan tidak perlu diajarkan. Ini adalah kerana semenjak dilahirkan lagi seseorang kanak-kanak itu telah pun mengeluarkan bunyi daripada mulutnya dalam bentuk tangisan sebagai satu bentuk perhubungan di antara bayi itu dengan ibubapanya ataupun dengan orang-orang di persekitarannya. Tetapi bentuk perhubungan seperti ini

tidak boleh dilihat sebagai bahasa kerana ia tidak mempunyai pola-pola yang teratur, sedangkan bahasa mempunyai pola bahasa yang teratur yang secara berulang dapat menyampaikan fikiran dan perasaan dengan setepatnya.

Asmah Haji Omar mengatakan;

“Seseorang bayi itu harus boleh dikatakan telah mempunyai bahasa kalau dia dapat menghasilkan dan membezakan satu bunyi ujaran daripada satu bunyi ujaran yang lain dalam hubungannya dengan orang lain.”

(Asmah haji Omar, 1986)

Sememangnya, semenjak daripada awal hayatnya lagi seseorang bayi itu telah sedia mempunyai slogan bunyi yang berkecenderungan untuk menghasilkan bunyi dengan bibirnya iaitu satu gejala yang disebutkan sebagai “membebel” atau “babbling.” Pembebelan ini akhirnya akan berubah dari satu kata yang tidak tentu sempurnanya kepada satu satuan yang boleh dikenali sebagai perkataan. Kejadian ini menunjukkan pembebelan kepada penggunaan lambang suara. Sebagai contohnya kita dapatli bahawa bayi pada mulanya akan membebel seperti “pa, pa, pa” dan “ma, ma, ma,” yang akhirnya berkembang pula menjadi “pak”, “papa”, “mak” dan sebagainya.

Proses pemerolehan bahasa ini akan melibatkan pula pemberian nama oleh kanak-kanak itu kepada benda yang dilihatnya, kadang-kadang nama-nama itu akan diucapkan sepenuhnya dan kadang-kadang ia dipendekkan hanya kepada satu suku kata objek seperti “dur” (tidur), “tup” (tutup), “num” (minum) dan lain-lain. Walaupun semasa masih bayi seseorang kanak-kanak itu masih belum dapat mengucapkan bahasa tetapi hasil daripada pendengaran dan

dapat pula menjiwai apa yang didengarinya itu, maka beliau akan semakin memahami apa yang diucapkan oleh orang-orang dewasa. Contohnya, kanak-kanak tersebut akan memahami jika ibunya menyebut perkataan yang selalu sangat didengarinya seperti perkataan “*nenen*”, (*bahasa bayi untuk susu atau menyusu*), “*uuk*” (*membuang air besar*), “*mamam*” (*untuk makan*) dan sebagainya. Sebenarnya penjiwaan terhadap bahasa emak dan orang-orang di sekitarnya itu adalah lebih cepat bagi seseorang bayi itu daripada menghasilkan bahasa bagi pihak dirinya sendiri. Tetapi bayi itu sebenarnya dapat juga menghasilkan satu isyarat-isyarat tertentu dalam proses pemerolehan bahasanya sebagai pengganti bahasa dirinya untuk menyatakan perasaan dan hasratnya dengan cara menangis, ketawa dan juga melalui pergerakan tangan dan kaki. Isyarat-isyarat seperti ini merupakan satu permulaan dalam komunikasi antara manusia.

Perkembangan bahasa kanak-kanak biasanya berlaku mengikut urutan-urutan tertentu. Sehingga usia enam bulan kanak-kanak mengeluarkan bunyi organik seperti rengutan dan tangisan. Seterusnya ia akan berubah menjadi *bebelan* dan apabila kanak-kanak berusia satu tahun mereka telah pandai menyebutkan suku kata. Dalam usia ini mereka mengulang sebut suku kata, menampilkan sedikit pengetahuan tentang beberapa perkataan dan menggunakan perkataan pertama. Mereka juga menggunakan perkataan yang sama untuk mewakili orang atau objek (*pemanjangan berlebihan*). Dalam lingkungan umur satu setengah tahun kanak-kanak mempunyai perbendaharaan

kata lebih kurang 50 patah perkataan dan mengetahui berbagai-bagi bunyi bersinambungan dan corak intonasi yang menyerupai wacana. Apabila berusia dua tahun perbendaharaan kata kanak-kanak bertambah melebihi 50 patah perkataan, amat berminat untuk berbual dan tidak lagi *membebel*. Sewaktu kanak-kanak berusia dua setengah tahun mereka telah dapat menggunakan frasa yang terdiri daripada tiga atau empat patah perkataan. Pada usia ini kanak-kanak seolah-olah memahami semua perkataan yang diujarkan kepadanya, tetapi mereka banyak membuat kesalahan nahu. Perbendaharaan kata kanak-kanak akan bertambah sehingga 100 perkataan semasa berusia tiga tahun. Kebanyakan ujaran mereka boleh difahami. Ujaran kanak-kanak menyerupai bahasa lisan orang dewasa dengan sedikit kesalahan sintaksis. Dalam lingkungan umur empat tahun setengah, kanak-kanak memperolehi penguasaan bahasa yang lebih kukuh dan kesalahan-kesalahan nahu hanya terbatas kepada bentuk-bentuk yang kurang kerap digunakan dalam perbualan harian (Siegal & Cocking, 1977).

Mangantar Simanjuntak pula telah membahagikan peringkat-peringkat perkembangan bahasa kanak-kanak kepada enam peringkat:

a) Peringkat Membebel atau mengagah

Peringkat membebel atau mengagah ini bermula daripada kanak-kanak masih bayi lagi sehingga mereka berusia enam bulan. Pada peringkat ini bayi membunyikan semua bunyi yang terdapat dalam semua bahasa di dunia. Pada peringkat membebel lanjutan, bayi mulai mengatur ucapannya menurut pola

sukukata yang lebih teratur dan pada umumnya berbentuk KV (konsonan vokal).

b) Peringkat Holofrasa

Ketika berumur setahun bayi mulai memasuki peringkat holofrasa atau suku kata yang sering dianggap sebagai peringkat linguistik pertama.

c) Peringkat Ucapan Dua Kata

Peringkat ucapan dua kata muncul semasa kanak-kanak berusia dua tahun.

d) Peringkat Permulaan Tatabahasa

Peringkat ini bermula pada masa kanak-kanak berusia dua hingga tiga tahun.

Pada peringkat ini kanak-kanak mulai memakai elemen-elemen tatabahasa yang rumit.

e) Peringkat Menjelang Tatatabahasa Dewan

Ketika berumur antara tiga dan empat tahun kanak-kanak mulai memasuki peringkat menjelang tatabahasa dewasa. Ayat-ayat yang diterbitkan dikira rumit dan telah dianggap sebagai bijak bercakap.

f) Peringkat Kecekapan Penuh

Ketika berumur empat atau lima tahun, kanak-kanak mulai memasuki peringkat kecekapan penuh. Pada umumnya, kanak-kanak normal telah menguasai elemen-elemen sintaksis bahasa ibundanya dan telah memiliki perlakuan (pemahaman dan penerbitan) yang memadai. Walau bagaimanapun perbendaharaan katanya masih kurang tetapi terus tumbuh dengan kecepatan mendadak.

Fenton juga telah memberikan enam peringkat perkembangan bahasa yang dialami oleh seseorang individu dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka. Peringkat pertama dikenali sebagai “*Reflex Sound*” iaitu bunyi tangisan bayi semasa dilahirkan. Peringkat kedua ialah *Peringkat Bebelan* iaitu peringkat membebel yang dialami oleh semua kanak-kanak semasa mereka berumur antara lima hingga enam bulan. Bunyi bebelan ini biasanya akan menghilang apabila kanak-kanak pandai menggunakan bahasa (Adrian Akmajian; 1990). Peringkat ketiga kanak-kanak mula membentuk ujaran dengan satu perkataan. Pada peringkat ini mereka sering membuat pengulangan terhadap perkataan-perkataan yang biasa atau lazim bagi mereka (Clark, 1977). Menurut kajian M.W. Shinn, kanak-kanak pada peringkat ini sudah pandai mengecam, mengetahui dan mengenali lebih kurang 50-80 patah perkataan yang berbentuk “*labeling*” terhadap benda-benda di sekeliling mereka yang biasanya berkaitan dengan barang-barang permainan, makanan dan keluarga mereka (Shinn, 1990). Peringkat keempat ialah apabila kanak-kanak berumur antara 13-18 bulan. Pada peringkat ini mereka telah mengalami perkembangan yang lebih mantap daripada tahap ketiga. Kanak-kanak juga dikatakan telah tahu menggunakan perkataan dan membuat ayat-ayat yang berbeza-beza mengikut konteks. Manakala peringkat kelima adalah semasa kanak-kanak berusia antara 20-35 bulan, di mana kanak-kanak pada peringkat ini telah dapat membuat ujaran dua perkataan yang membawa makna yang lebih jelas walaupun pada peringkat ini sebutan kanak-kanak mungkin masih

kurang jelas. Peringkat terakhir ialah semasa kanak-kanak berumur dalam lingkungan 36 bulan (tiga hingga empat tahun). Pada peringkat ini mereka telah mulai mengalami perkembangan bahasa yang semakin sempurna iaitu pandai menggunakan ayat-ayat yang mengandungi tiga hingga lapan patah perkataan. Jadi pada peringkat ini kanak-kanak telah dapat membuat ayat-ayat yang berbentuk paling mudah (Fenton, 1925).

Wood (1981) juga telah memberikan 6 peringkat perkembangan bahasa kanak-kanak. Peringkat pertama ialah semasa kanak-kanak berusia satu tahun yang dikenali sebagai *Peringkat PraPertuturan (Prespeech)*, pada peringkat ini kanak-kanak berada dalam bentuk tangisan, “cooing” dan bebelan. Peringkat kedua pula dikenali sebagai *Peringkat Holofrasa (holoprhase)*. Pada peringkat ini kanak-kanak berumur 12 bulan. Biasanya perkataan yang diujarkan akan disertai oleh unsur-unsur yang “*non-verbal*”. Peringkat ketiga, kanak-kanak berusia 18 bulan. Kanak-kanak peringkat ini dikatakan telah pandai membuat ayat yang berbentuk *deklaratif, ayat tanya, penafian dan imperatif*. Peringkat keempat pula kanak-kanak berusia antara dua hingga dua tahun lima bulan. Kanak-kanak dikatakan telah dapat membina ayat-ayat yang mempunyai unsur subjek dan predikat. Manakala peringkat kelima pula dikenali sebagai *Peringkat “Multiple-Word Sentences”* iaitu kanak-kanak berusia antara dua tahun lima bulan hingga empat tahun. Pada peringkat ini kanak-kanak telah berupaya memasukkan elemen-elemen kata hubung ke dalam ujaran mereka. Manakala peringkat ke enam pula dikenali sebagai

peringkat "Complex Grammatical Changes and Word Categories". Peringkat ini kanak-kanak berusia empat tahun ke atas. Kanak-kanak dikatakan telah dapat menguasai bahasa dengan baik dan sempurna iaitu telah berjaya memperlihatkan nahu yang lebih kompleks dan menyerupai bentuk pertuturan orang dewasa (Wood, 1981).

Piaget, berdasarkan *Piaget's Stages* telah membahagikan tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak kepada beberapa peringkat perkembangan dan perlakuan-perlakuan yang sesuai dengan peringkat-peringkat perkembangan tersebut. Tahap pertama perkembangan bahasa dikenali sebagai "*Perlocutionary Acts*" di mana pada tahap ini kanak-kanak berusia antara kosong hingga sembilan bulan (rujuk lampiran 3). Perlakuan-perlakuan bahasa kanak-kanak pada tahap ini dikenali sebagai "*gazing, crying, touching, smiling, loughing, vocalizing, grasping dan sucking*". Tahap perlakuan *Perlocutionary Acts* ini merangkumi tiga peringkat utama iaitu yang dikenali sebagai peringkat "*Birth Cry, Cooing dan Babbling*".

Peringkat "*Birth Cry*" ialah semasa kanak-kanak baru dilahirkan. Pada peringkat ini kanak-kanak membuat perhubungan dengan orang-orang sekeliling melalui tangisan. Tangisan kanak-kanak semasa baru lahir adalah penting untuk perkembangan bahasa kerana jika kanak-kanak yang baru lahir tidak menangis, mereka akan mengalami kelambatan dalam proses perkembangan bahasanya. Oleh itu semasa kanak-kanak berusia antara kosong hingga dua bulan mereka hanya membuat perhubungan dengan orang-orang di

persekitarannya dengan menangis samada untuk menyatakan bahawa mereka lapar, sakit, dahaga dan sebagainya. Selepas "Birth Cry", dikenali pula sebagai "Peringkat Cooing". Peringkat ini sebenarnya adalah singkat sahaja dan ia tidak memakan masa yang lama. Biasanya pada peringkat ini bayi akan mula menghasilkan bunyi yang dikenali sebagai *berkoko*. Pada peringkat ini bayi suka membuat renungan pada sesuatu perkara dan perlakuan-perlakuan orang-orang dewasa yang berada di sekelilingnya. Kanak-kanak juga akan menyampaikan rasa marah, terkejut, lapar, dahaga, sakit, mengantuk dan sebagainya melalui tangisan. Apabila mereka diberikan sesuatu pula, kanak-kanak ini akan mula menyentuhnya dan menggenggamnya erat-erat. Jika kanak-kanak menyukai sesuatu mereka akan tersenyum dan apabila ternampak orang-orang yang hampir dengannya (ibu bapa atau adik-beradiknya) kanak-kanak juga akan tersenyum sebagai tanda perhubungan dengan mereka. Peringkat ketiga pula ialah peringkat yang dikenali sebagai "Babbling." Pada peringkat ini kanak-kanak telah mula mengalami perkembangan bahasa yang dikenali sebagai perkembangan fonologi dalam bentuk yang paling asas. Pada peringkat ini bayi mula menunjukkan bahawa mereka mula mempunyai satu bentuk fonologi yang teratur kerana mereka telah pandai membuat bebelan-bebelan yang mengeluarkan bunyi-bunyi vokal Melayu seperti bunyi [a], [u] dan juga gabungan di antara bunyi-bunyi vokal dan konsonan yang paling senang dan mudah seperti *ba, ba, ma, ma, da, da, pa, pa, ta, ta, ta* dan sebagainya yang mudah disebutkan. Kebanyakannya pada peringkat membebel atau

"babbling" ini, bebelan-bebelan awal yang disebutkan oleh kanak-kanak adalah merangkumi bebelan-bebelan yang didahului oleh bunyi-bunyi konsonan asli bahasa Melayu yang meliputi bunyi-bunyi yang paling mudah dan senang disebutkan seperti bunyi-bunyi *letupan dua bibir tak bersuara [p]* iaitu {pa}, {pa}, *letupan dua bibir bersuara [b]* seperti bebelan {ba}, {ba}, *letupan gusi tak bersuara [t]* seperti sebutan-sebutan yang berbunyi {ta}, {ta}, *letupan gusi bersuara [d]* seperti sebutan bunyi {da}, {da} dan *sengau dua bibir bersuara [m]* seperti bunyi-bunyi {ma}, {ma}.

Pada tahap kedua pula kanak-kanak mula mengalami perlakuan bahasa yang dikenali sebagai "Illocutionary Acts". Pada tahap ini kanak-kanak biasanya berusia antara 9-18 bulan. Bulan kelapan dan kesembilan biasanya kanak-kanak telah mula menghasilkan perkataan-perkataan awal seperti *mama*, *dada*, *papa* dan sebagainya. Manakala pada usia antara 9-18 bulan pula, mereka akan mengalami kemajuan yang lebih baik dalam proses pemerolehan bahasa seperti pandai menamakan sesuatu, menegur, meminta, memanggil, menjawab, mengucap dan membantah apabila mereka tidak menyukai akan sesuatu. Kanak-kanak pada peringkat ini juga sering membuat pengulangan dan berlatih menggunakan perkataan yang baru diketahuinya.

Tahap seterusnya dikenali sebagai "Locutionary Acts" iaitu pada usia kanak-kanak antara 18-24 bulan. Kanak-kanak pada peringkat ini telah mula menggunakan frasa dua perkataan yang mempunyai hubungan semantik. MLU mereka juga telah mulai menjangkau dua perpuluhan lebih. Antara perkataan-

perkataan yang dikuasai ialah yang merangkumi *Agent-action*, *Agent-object* dan sebagainya. Menjangkau usia dua hingga tiga tahun, kanak-kanak telah mengalami perkembangan bahasa yang lebih pesat seperti pandai membuat ayat-ayat yang mempunyai hubungan semantik dengan lebih baik, pandai menceritakan pengalaman dan sebagainya. Mereka juga pandai membuat perhubungan antara satu perkataan dengan perkataan lain seperti *Agent Case* (Ali buka pintu), *Dative Case* (ibu memberi susu kepada adik), *Objective Case* (botol susu berada di atas meja) dan *Locative Case* (botol susu di atas meja). Selain itu kanak-kanak juga boleh membuat hubungan nahu dengan baik.

Peringkat perkembangan seterusnya ialah apabila kanak-kanak mula berusia di antara dua hingga empat tahun. Pada tahap ini kanak-kanak telah mengalami perkembangan bahasa yang semakin baik seperti pandai membuat pelbagai bentuk pertanyaan, pandai bermonolog, bercakap tentang diri sendiri dan orang lain. Manakala pada usia kanak-kanak tiga hingga empat tahun pula mereka telah memahami dan tahu menggunakan kala lampau atau “past tense”. Pada peringkat ini juga kanak-kanak telah mampu menggunakan imbuhan seperti awalan, akhiran atau sisipan yang menunjukkan masa “-ing, -a, in and on”. Kanak-kanak juga boleh menggunakan perkataan-perkataan yang menyatakan kuantiti yang lebih daripada satu seperti, “*more, some, two*” dan sebagainya. Semasa usia kanak-kanak menjangkau empat tahun, mereka telah pandai membuat soalan dengan menggunakan kata tanya seperti, “*who, what, where*” dan menggunakan kata negatif seperti “*not, can't, don't*” dan

sebagainya. Kanak-kanak juga dikatakan telah pandai menggunakan perkataan-perkataan yang menunjukkan masa depan. Manakala pada tahap usia empat tahun dan ke atas pula, Piaget mendapati bahawa kanak-kanak pada peringkat ini telah tahu bermacam-macam perkataan dan telah mengalami perkembangan bahasa yang paling pesat. Mereka tahu dan boleh menggunakan klasifikasi semantik dengan baik, mereka juga semakin mahir menggunakan bentuk-bentuk

"sintagmatik",

"paradigmatik", *"superordinat"*, *"komparatif"*, *"superlatif"*, *"persamaan-perbezaan"*, *"perhubungan masa"*, *"sebab musabab"* dan sebagainya. Kanak-kanak juga boleh menggunakan perkataan perbuatan dengan baik, membuat ulasan atau permintaan, menggunakan perkataan pasif, menggunakan *"verb tenses"* seperti *"can"*, *"will"*, *"may"* dan sebagainya. Selain itu kanak-kanak juga dikatakan boleh menggunakan *"perfect tenses"*, *"gerunds"* dan *"participles"* dengan baik (rujuk lampiran tiga)

2.3 Model Pemerolehan Bahasa Oleh Barbara S. Wood

Barbara S. Wood telah mengutarakan tiga model yang boleh menerangkan kepada kita tentang proses pembelajaran bahasa di kalangan kanak-kanak iaitu;

- a) *"Children equipment" (intrapersonal forces)* iaitu perkembangan biologi kanak-kanak memainkan peranan terhadap perkembangan bahasa seperti

kematangan otak dan tubuh badan (bahasa bukan *verbal* atau bukan lisan) memberikan sumbangan terhadap proses komunikasi kanak-kanak.

- b) "Input" (*interpersonal force*) iaitu pemerolehan bahasa kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh persekitaran dan semua ahli kumpulan menjadi model terhadap perkembangan komunikasi bagi kanak-kanak seperti keluarga, sekolah dan rakan sebaya.
- c) "Output" iaitu komunikasi di kalangan kanak-kanak adalah hasil daripada "*interpersonal force*" dan "*intrapersonal force*". Kanak-kanak berkomunikasi di dalam bentuk yang mewakili tahap kematangan mereka dan juga suasana persekitaran komunikasi mereka (Wood, 1981).

2.3.1 Perkembangan Bahasa kanak-kanak Berdasarkan Faktor "*Intrapersonal Force*"


Menurut pendapat yang dikemukakan oleh Eric Lennerberg, manusia mempunyai keupayaan atau kemampuan untuk menguasai bahasa dan kemampuan ini dipengaruhi oleh faktor biologi kanak-kanak itu sendiri (Eric Lennerberg, 1969). Sebagaimana manusia belajar bangun dan berjalan tanpa memerlukan latihan yang sistematik ataupun panduan penyelidikan, maka begitulah juga manusia tidak perlu diajar untuk menggunakan bahasa. Biasanya perkembangan komunikasi dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa berlaku dalam tiga peringkat iaitu;

- a) Peringkat kemunculan bahasa
- b) Peringkat sedia untuk bercakap

c) Peringkat komunikasi sepenuhnya

2.3.1.1 Peringkat Kemunculan Bahasa (*emergence*)

Semenjak masih bayi lagi kanak-kanak akan mengalami peringkat-peringkat pemerolehan dan penguasaan bahasa yang selari dengan perkembangan biologinya. Untuk memahami dengan lebih jelas bagaimanakah proses pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak berlaku seimbang dengan perkembangan biologi mereka, cuba lihat gambarajah di bawah (Wood, 1981);





18 to 21 months

Johnny's walking looks stiff and jerky but he does well. He can sit in a chair (his aim is only "fair"), he can crawl down stairs, and he can throw a ball (clumsily).



24 to 27 months

Johnny understands simple questions and begins to put two or three words together in sentences.

Johnny runs well, but falls when making a quick turn. He can also walk up and down stairs.

Johnny uses short sentences composed of words from a 300-to-400-word vocabulary.



30 to 33 months

Johnny has good hand and finger coordination; he can manipulate objects well.

Johnny's vocabulary increases in size, and three- and four-word sentences are prevalent. His language begins to sound adult-like.



36 to 39 months

Johnny runs smoothly and negotiates sharp turns. He walks stairs by alternating feet. He can ride a tricycle, stand on one foot (briefly), and jump twelve inches in the air.

Johnny talks in well-formed sentences, following rather complex grammatical rules. Others can generally understand what he is talking about.

Daripada gambarajah di sebelah, jelas menunjukkan bahawa perkembangan bahasa berlaku selari dengan perkembangan biologi kanak-kanak iaitu sewaktu kanak-kanak berusia empat bulan beliau boleh meniarap dan dari segi perkembangan bahasa beliau berada dalam peringkat "*cooing dan chuckling*", manakala antara umur enam hingga sembilan ^{bulan} tahun, kanak-kanak telah mampu duduk sendiri dan dari segi perkembangan bahasa mereka telah mengalami peringkat yang dikenali sebagai "*membebel*" iaitu kanak-kanak telah mampu mengeluarkan bunyi-bunyi seperti *da da da, ya ya ya, gagagag* dan sebagainya. Pada usia kanak-kanak antara 12-18 bulan mereka telah mengalami perkembangan seterusnya dari segi biologi iaitu kanak-kanak telah mampu berjalan sendiri dan dari segi pemerolehan dan penguasaan bahasa, didapati bahawa kanak-kanak telah mampu mengeluarkan beberapa perkataan dan begitulah seterusnya sehingga hal kanak-kanak dapat berjalan dan berlari pantas mereka juga mengalami proses pemerolehan dan penguasaan bahasa yang semakin sempurna. Keadaan ini membuktikan bahawa pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak adalah meningkat selari dengan perkembangan biologi mereka (sebagaimana yang terdapat dalam gambarajah) .

Proses pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak juga mempunyai hubung kait dengan perkembangan otak mereka. Misalnya pada usia dua tahun, pertumbuhan otak kanak-kanak adalah 350 % lebih mantap daripada sebelum kelahirannya dan mencapai tahap matang pada usia 14 tahun (Wood, 1981). Ini menunjukkan bahawa wujud perkembangan yang sama di

antara otak dengan bahasa kanak-kanak kerana pada usia tertentu bahasa kanak-kanak juga mencapai tahap perkembangan yang maksimum. Misalnya, mengikut penyelidikan saintifik, saraf dalam lapisan luar otak tumbuh dalam rangkaian usia pertumbuhan tertentu iaitu semasa kanak-kanak berusia dua tahun. Pertumbuhan ini sebenarnya muncul pada masa yang sama dengan kebolehan kanak-kanak untuk menggabungkan dua perkataan secara bersama dalam ayat. Jadi pertumbuhan dalam otak dan kebolehan kanak-kanak untuk menguasai bahasa adalah saling berkaitan dan mempengaruhi. Ini terbukti melalui penyelidikan tentang '*brain maturation*' yang mendapati bahawa perkembangan pemikiran adalah menjadi kunci dalam perkembangan bahasa kanak-kanak. Marcus Jacobson telah menunjukkan data yang mencadangkan bahawa pertumbuhan bahasa boleh berlaku secara berkaitan dan bersistematik dengan peningkatan dalam pertumbuhan saraf lapisan luar otak, terutamanya dalam pertumbuhan biasa sel-sel yang dipanggil sebagai "*Type - 2 Neurons*". Lennerberg percaya bahawa "*brain maturation*" adalah merupakan permulaan dan pengakhir yang menjadi faktor terhadap keseluruhan proses pembelajaran dalam bahasa. Ia sebenarnya dikenali sebagai "*critical period*" atau "*tempoh kritikal*" iaitu sepanjang masa di mana kanak-kanak sepatutnya belajar bahasa dan selepas tahap ini secara mutlaknya adalah dikatakan mustahil bagi seseorang itu untuk mempelajari bahasa pertama. Ahli Zoologi telah menggunakan "*critical period*" ini untuk menerangkan kenapa sesetengah burung gagal untuk memperolehi kebolehan menyanyi. Lennerberg

mengatakan bahawa kanak-kanak yang sedang belajar untuk bercakap hendaklah mendengar orang lain bercakap terlebih dahulu dalam lingkungan jangkamasa tertentu, iaitu mereka mesti tenggelam dalam pendengaran bahasa sepanjang tempoh "*critical period*" tersebut. Lennerberg juga menyatakan bahawa tahap permulaan tempoh "*critical period*" ini ialah semasa kanak-kanak berusia dua tahun dan tempoh ini berakhir biasanya semasa kanak-kanak berusia dalam lingkungan tiga belas hingga empat belas tahun. Tetapi kebanyakan pengkaji-pengkaji sekarang meletakkan masa yang lebih pendek dan lebih awal berakhirnya tempoh "*critical period*" ini iaitu antara usia kanak-kanak mencapai lima hingga enam tahun.

2.3.1.2 Tahap Sedia Untuk Bercakap

Sebenarnya tahap sedia untuk bercakap adalah mempunyai hubung kait dengan faktor-faktor biologi kanak-kanak tersebut seperti alat-alat pertuturan kanak-kanak (dalam rongga mulut) dan juga pergerakan tubuh badan kanak-kanak yang dikenali juga dengan bahasa bukan lisan. Hasil daripada kajian yang dibuat oleh ahli-ahli bahasa sekarang ini telah menunjukkan bahawa permulaan bagi seseorang bayi untuk menguasai vokal bahasa pertama atau bahasa ibundanya adalah boleh dikaitkan dengan faktor biologi kanak-kanak tersebut. Biasanya kanak-kanak yang baru lahir mempunyai kebolehan yang dilengkapi dengan alat pendengaran serta alat-alat yang membolehkan kanak-kanak untuk melahirkan percakapan. Pada peringkat bayi, seseorang itu didapati tidak boleh

menunjukkan kebolehan yang baik untuk menghasilkan bunyi-bunyi ujaran walaupun biasanya mereka boleh berkomunikasi dengan baik dengan kedua ibu bapanya dan orang-orang di sekelilingnya melalui penggunaan isyarat atau bentuk tangisan untuk menyatakan sesuatu. Ketidak mampuan mereka untuk menunjukkan kebolehan mereka menghasilkan bunyi-bunyi ujaran ini adalah disebabkan oleh *had initial* yang terdapat pada awalnya pada alat vokal bayi tersebut. Lipatan vokal secara relatifnya terletak lebih tinggi dalam rongga mulut bayi, ini menyebabkan rongga yang menghasilkan bunyi-bunyi lisan yang terletak di atas lipatan vokal adalah lebih kecil dan bentuknya berbeza daripada rongga orang dewasa. Menurut ahli-ahli perubatan dan ahli-ahli bahasa, dalam proses pengeluaran bahasa, mekanisme lipatan vokal yang rendah adalah penting untuk penghasilan bunyi yang sesuai dan ia berkembang dalam lingkungan jangka masa yang pendek selepas bersalin. Oleh kerana mekanisme lipatan vokal (alat-alat penghasilan bunyi bahasa di dalam rongga mulut) yang tinggi menyebabkan agak mustahil bagi bayi untuk mengubah suai aliran atau arus nafas mereka dengan lidah mereka. Ini adalah kerana mereka secara mutlak memiliki rongga lisan yang tinggi. Ini menyebabkan bayi gagal untuk menghasilkan semula had bunyi percakapan bukan kerana mereka tidak belajar untuk menghasilkannya tetapi kerana struktur mekanisme vokal mereka semasa dilahirkan menghalangnya.

Sebenarnya dalam proses sedia untuk bercakap, kanak-kanak berkomunikasi dengan persekitaran menggunakan bahasa bukan lisan iaitu

berdasarkan asas biologi kanak-kanak atau perubahan tubuh badan. Satu kajian telah dibuat oleh William Condon dan Louis Sander dari *Universiti Medical Centre* mengenai pergerakan tubuh badan kanak-kanak yang baru lahir dalam memberikan tindak balas terhadap percakapan ibu bapanya dengan menggunakan *rakaman video* bagi mengambil gambar dan membuat analisis beserta dengan penggunaan rakaman *audio* untuk memerhatikan kandungan suara ibunya itu. Hasil keputusan daripada kajian ini adalah positif. Beberapa bahagian badan kanak-kanak yang baru lahir akan bergerak semasa proses komunikasi iaitu semasa mendengar suara ibu bapanya. Bahagian badan yang dimaksudkan adalah kepala, bahu, pinggan atau pinggul serta kaki. Pergerakan tubuh kanak-kanak dikatakan akan berubah bila artikulasi berubah seperti perubahan suara dan perubahan ucapan perkataan ibu bapanya. Biasanya, pergerakan tubuh badan seseorang kanak-kanak dan artikulatori orang dewasa akan bergerak dalam bentuk berpasangan. Hasil kajian yang dilakukan oleh ahli-ahli perubatan dan ahli-ahli bahasa ini menunjukkan bahawa perubahan atau pergerakan tubuh kanak-kanak adalah bersifat serentak atau selaras dengan percakapan orang dewasa. Condon dan Sander telah mencadangkan bahawa pergerakan tubuh badan kanak-kanak adalah merupakan satu bentuk awal permulaan komunikasi kanak-kanak tersebut dengan ibu bapa atau orang-orang dewasa di sekelilingnya dan kanak-kanak itu akan mula bercakap dari semasa ke semasa dan bentuk percakapan mereka biasanya akan berubah mengikut bentuk dan cara percakapan orang-orang dewasa di sekeliling

mereka. Jadi kenyataan ini menggambarkan bahawa orang dewasa banyak memberi pengaruh terhadap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak.

Andrew Metzoff dan Keith Moore telah merakamkan pergerakan tubuh badan bayi yang baru lahir dan mendapati bahawa pergerakan tubuh badan kanak-kanak ini adalah sama dengan isyarat dan pergerakan tubuh badan orang dewasa. Mereka mendapati bahawa kanak-kanak dari lingkungan usia antara 12 hingga 21 hari adalah golongan yang lebih banyak menggunakan isyarat dan pergerakan tubuh untuk berkomunikasi. Antara bentuk-bentuk pergerakan yang dilakukan oleh kanak-kanak ini ialah dengan melakukan penonjolan lidah, membuka mulut, melakukan penonjolan pada bibir dan juga membuat pergerakan pada jari jemari sebagai satu bentuk tindakbalas terhadap percakapan orang-orang dewasa di sekeliling mereka.

Berdasarkan kajian-kajian yang dilakukan dan bukti-bukti yang diberikan tentang perkembangan komunikasi atau pemerolehan bahasa kanak-kanak berdasarkan aspek "*intrapersonal forces*", Barbara S. Wood telah menetapkan bahawa dalam usaha kita untuk memahami tentang perkembangan bahasa kanak-kanak dan perkembangan komunikasi antara mereka, apa yang perlu kita perhatikan juga ialah aspek biologi sebagai satu bentuk komunikasi awal kanak-kanak sebelum mereka pandai mengujarkan kata-kata, dan aspek biologi ini dikenali juga sebagai komunikasi bukan lisan iaitu komunikasi tanpa bahasa.

"Biological factors are extremely helpful in explaining the emergence and development of children non-verbal massage".
(wood, 1981)

Di bawah ini akan diberikan sedikit penerangan yang dibuat oleh ahli psikologi kanak-kanak tentang kanak-kanak yang baru lahir;

Almost from birth, he touches objects, manipulates them, turns them around, looks at them, and in these ways he develops an increasing understanding of their properties. It is through manipulation that he develops schemes relating to objects. ...

(Jill, 1978)

2.3.1.3 Peringkat Membuat Latihan Bahasa Dan Komunikasi Sepenuhnya

2.3.1.3.1 Membuat Latihan Bahasa

Kebanyakan kanak-kanak belajar bahasa, iaitu belajar menggunakan bentuk-bentuk linguistik sebelum tidur pada waktu malam. Sekiranya ibu bapa berada di sekitar kanak-kanak tersebut maka mereka mungkin akan mendengar anak-anak mereka berlatih bahasa yang baru diperolehnya itu. Orang pertama yang telah membuat laporan tentang latihan bahasa ini ialah Ruth Weir, selepas beliau menganalisis anak lelakinya Anthony yang berusia dua setengah tahun, beliau telah mencadangkan prosedur latihan yang dianggap penting dalam perkembangan bahasa kanak-kanak. Kebanyakan latihan yang dibuat oleh Anthony adalah lebih berfokus kepada pengucapan perkataan. Beliau mengucapkan sesuatu perkataan dan akan membetulkan sebutannya secara berterusan. Manakala latihan lain pula adalah meliputi latihan nahu. Latihan yang dibuatnya ialah seperti;

“ build-up”
“ the block ”
“ the yellow block ”
“ look at the yellow block ”

(Wood, 1981)

2.3.1.3.2 Kreativiti Kanak-kanak Dengan Bahasa

Biasanya kanak-kanak di peringkat awal pemerolehan dan penguasaan bahasa tidak memahami apa yang mereka ucapkan dan ujaran yang dibuat juga tidak mengikut hukum nahu tahabahasa yang sebenarnya. Contohnya ialah penguasaan “*verb tense*” dan yang satu lagi ialah melibatkan penambahan “*inflections*” pada perkataan yang diujarkan . Contoh;

1. Contoh kanak-kanak yang menggunakan “*verb tense*” dalam percakapannya ialah ujaran yang telah dibuat oleh K (1) yang berusia dua setengah tahun iaitu;

K (1): “daddy went to office”

Kanak-kanak ini telah menggunakan “*past tense*” untuk kejadian lepas. Tetapi kadangkala ada juga kanak-kanak yang masih berada di peringkat awal pemerolehan dan penguasaan bahasa yang tidak tahu menggunakan “*past tense*”. Contohnya, kanak-kanak yang kedua pula iaitu K (2) didapati tidak tahu menggunakan “*past tense*” terhadap perkataan go bagi menunjukkan sesuatu yang telah lepas. Contoh ujaran yang telah dibuatnya ialah;

K (2): “Daddy goed to office”

Kemungkinan juga pada usia empat tahun kanak-kanak akan memilih kumpulan baru untuk semua “*verbs*” yang diucapkan, yang berkemungkinan akan meliputi “*irregular verbs*” pula. Seperti;

“Daddy wented to the office.”

Manakala bagi kanak-kanak yang telah memahami bagaimana hendak mengaplikasikan peraturan "*past tense*" ini kepada bentuk "*irregular Verbs*" akan mengatakan ;

“Daddy went to the office”

Biasanya kanak-kanak yang berusia dua tahun mungkin akan mengucapkan sesuatu tanpa memahami sebarang peraturan yang sepatutnya wujud di dalam ujarannya itu.

2.3.1.3.3 Peringkat Komunikasi Sepenuhnya

Peringkat seterusnya yang dialami oleh kanak-kanak dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa ialah *peringkat komunikasi sepenuhnya*. Pada peringkat ini, mereka sebenarnya sudah mampu untuk mentafsirkan komunikasi secara terang kepada orang lain. Malah kanak-kanak pada peringkat ini telah mampu mengulangi percakapannya sebagai satu strategi supaya pendengar memahami apa yang diucapkannya. Contoh;

Child: I wanna play dolly

Experimenter: What ?

Child : I play dolly now / can I play with the dolly ?

2.3.2 Perkembangan Komunikasi berdasarkan Faktor “Interpersonal Forces”

(Pengaruh persekitaran terhadap Pemerolehan bahasa kanak-kanak)

Faktor “*interpersonal forces*” ini adalah melibatkan pengaruh persekitaran terhadap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-

kanak seperti peranan ibu bapa, keluarga kanak-kanak tersebut, rakan sebaya dan juga sekolah. Sebenarnya perbincangan tentang peranan keluarga dalam mempengaruhi perkembangan bahasa dan komunikasi seseorang kanak-kanak itu telah dimulakan oleh Watzlawick, Beavin dan Jackson. Kanak-kanak biasanya mengembangkan skala komunikasinya di dalam lingkungan keluarga, rakan seusia dan juga persekolahan atau subsistem. Dalam keadaan ini biasanya kanak-kanak akan mengalami proses pemerolehan dan penguasaan bahasa melalui peniruan atau pengaruh orang-orang di sekelilingnya. Di bawah ini akan diterangkan beberapa faktor yang menjadi model atau pengaruh yang boleh membantu proses pemerolehan dan penguasaan bahasa atau komunikasi di kalangan kanak-kanak.

2.3.2.1 Pemerolehan Bahasa Melalui Proses Peniruan

Hasil daripada kajian tentang perkembangan bahasa kanak-kanak yang telah dijalankan oleh ahli-ahli bahasa di Amerika Syarikat telah menunjukkan bahawa ibu merupakan rujukan utama kepada input (iaitu sebagai model asas) kepada kanak-kanak dalam menguasai bahasanya. Tetapi tidak semuanya sama kerana dalam sesetengah negara, budaya dan kumpulan sosial yang berbeza, tidak semestinya ibu menjadi model utama pada perkembangan bahasa seseorang kanak-kanak. Misalnya di California, abang atau kakak kanak-kanak itu yang menjadi model utama terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak.

Manakala dalam sesetengah budaya China pula, neneknya mungkin akan menjadi model utama dalam perkembangan bahasa kanak-kanak.

Sebenarnya tidak kira sama ada rujukan input itu datangnya daripada ibu, kakak atau lain-lain ahli keluarganya, tetapi seluruh model komunikasi ini adalah sama sahaja. Faktor paling penting dalam mempercepatkan pemerolehan bahasa dan komunikasi di kalangan kanak-kanak ialah kanak-kanak itu terdedah untuk menghasilkan komunikasi, iaitu mereka melakukan pemerhatian dan dalam masa yang sama mereka juga akan menghasilkan bahasa percakapan. Proses peniruan atau “*imitating*” berlaku apabila kanak-kanak meniru percakapan orang dewasa atau daripada percakapan kanak-kanak yang lain. Peniruan ini mungkin melibatkan peniruan kata tunggal atau frasa. Contohnya, kanak-kanak yang berusia dua tahun mungkin akan membuat intonasi yang sempurna di samping pergerakan tubuh badan yang sesuai dengan apa yang diujarkan hasil daripada peniruan terhadap cara percakapan orang dewasa dan apa yang ditunjukkan oleh mereka semasa membuat ujaran-ujaran bahasa. Pada usia lapan bulan kanak-kanak sebenarnya sudah pandai meniru gaya percakapan dan pergerakan ibu bapanya.

Peniruan yang dibuat oleh kanak-kanak kebanyakannya adalah hasil daripada kesan persepsi mereka terhadap bentuk komunikasi yang ditirunya iaitu sebagai hasil dalam proses perkembangan bahasa lisan dan bukan lisan. Biasanya kanak-kanak meniru daripada orang dewasa berdasarkan penglihatan dan pendengaran dan selepas itu mereka akan cuba mempraktiskan bentuk baru

yang ditirunya itu sehingga lah mereka benar-benar menguasainya. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa apabila seseorang kanak-kanak membuat peniruan terhadap percakapan orang lain, lama kelamaan mereka akan dapat menghasilkan sendiri perkataan bebas yang bersifat kompleks. Ini adalah kerana apabila beliau meniru sesuatu perkataan daripada percakapan orang-orang dewasa di sekeliling mereka ataupun antara rakan sepermainan mereka, kanak-kanak ini akan mempraktiskannya dan membuat pengulangan sehingga beliau berjaya menguasai sesuatu perkataan itu. Satu dokumen yang amat menarik dan baik tentang peniruan sebagai alat kepada perkembangan bahasa ialah sebagaimana yang telah diterangkan oleh Ruth Clark iaitu;

"Children's imitation are probably best explained as overt rehearsals that children engage in before they are able to rehearsals silently".

Contoh peniruan kanak-kanak sebagai satu latihan dan penciplakan dalam proses perkembangan dan pemerolehan bahasa ialah sebagaimana hasil pemerhatian yang telah dilakukan oleh Ruth Clark terhadap kanak-kanak yang berusia dua tahun setengah yang sedang bercakap dengan pengasuhnya.

Perhatikan perbualan di bawah;

Baby Sitter	:	"oh, oh , the doggie's hurt."
Child	:	"doggie's hurt"
Baby Sitter	:	"he's cryin too"
Child	:	"cryin too"
Baby Sitter	:	"oh, oh , I wonder what happening here ?"
Child	:	"happening here"

Dialog di atas menunjukkan bahawa kanak-kanak tidak selalunya memahami apa yang diucapkan sungguhpun beliau nampaknya begitu berminat dalam perbualan tersebut. Oleh kerana kanak-kanak ini masih di peringkat awal pemerolehan bahasa maka mereka tidak memahami apa yang diucapkan, ini menyebabkan beliau tidak pandai untuk membuat peniruan terhadap seluruh ayat yang diucapkan oleh pengasuhnya. Oleh itu kanak-kanak ini hanya melakukan peniruan terhadap perkataan-perkataan di akhir ayat yang dibuat oleh pengasuhnya. Di sini jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak ini membuat peniruan sebagai satu bentuk latihan baginya dalam proses pemerolehan bahasa.

Seorang lagi yang telah membuat kajian tentang kepentingan peniruan dalam membantu mempercepatkan proses pemerolehan bahasa dan komunikasi di kalangan kanak-kanak ialah Andrea Ramer yang telah memeriksa fungsi peniruan dalam perbualan kanak-kanak. Beliau telah mencatatkan pelbagai variasi dalam penggunaan peniruan oleh semua kanak-kanak dalam usaha-usaha awal mereka mempelajari komunikasi. Beliau mendapati bahawa kanak-kanak akan membuat peniruan apabila mereka tidak memahami sesuatu perkataan. Dalam kajiannya, Ramer mendapati bahawa semua kanak-kanak membuat peniruan, walaupun hanya satu perkataan yang akhir dalam sesuatu ayat yang tidak pernah didengarinya sebelum ini. Ini adalah kerana sistem komunikasi orang dewasa adalah lebih kompleks daripada sistem komunikasi kanak-kanak, jadi mereka akan merasa susah untuk meniru

100% gaya percakapan dan semua perkataan yang disebutkan oleh orang dewasa. Oleh itu kanak-kanak biasanya hanya akan menyebutkan sebahagian sahaja perkataan-perkataan yang telah disebutkan oleh orang-orang dewasa kerana mereka tidak memahami apa yang diucapkan. Contoh:

Orang dewasa : “tolong ambilkan bola itu”
Kanak-kanak : “ambil bola”

Kanak-kanak biasanya akan meniru percakapan orang-orang dewasa di persekitaran mereka walaupun tidak semua perkataan yang ditirunya itu difahami dan cara ini sedikit sebanyak dapat membantu kanak-kanak dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasannya.

2.3.2.2 Perkembangan Interaksi Antara Kanak-Kanak Dan Orang Dewasa

Bentuk kedua perkembangan bahasa kanak-kanak dalam “*interpersonal force*” ialah interaksi kanak-kanak tersebut dengan model komunikasi mereka seperti interaksi mereka dengan ibu bapa, kakak, abang, jiran dan sebagainya. Hasil kajian yang telah dibuat oleh Barbara S. Wood misalnya telah menunjukkan bahawa apabila seseorang kanak-kanak berinteraksi dengan model komunikasi ini mereka akan mengalami beberapa proses seperti proses perluasan, proses mempelajari struktur bahasanya dan sebagainya.

Sebagai orang dewasa yang telah menguasai bahasa, kita juga boleh membantu kanak-kanak dalam mempercepatkan proses pemerolehan bahasa mereka dengan cara memberikan tindak balas apabila mereka bercakap seperti memberikan komen apabila mereka membuat ujaran, memberikan idea baru

kepada kanak-kanak, membuat pertanyaan dan sebagainya. Courtney Cazden seorang ahli bahasa berpendapat bahawa orang dewasa menghasilkan bahasa untuk kanak-kanak meniru bahasa tersebut. Segala komen dan idea baru yang ditunjukkan oleh orang dewasa akan membantu kanak-kanak mendapatkan maklumat semantik yang penting untuk perkembangan bahasa mereka. Interaksi ibu bapa dengan orang-orang di persekitaran yang di perhatikan oleh kanak-kanak dan juga interaksi kanak-kanak itu sendiri dengan ibu bapa, rakan sebaya dan orang-orang di persekitaran mereka akan dapat membantu mereka mempelajari dan menguasai bahasa yang lebih kompleks.

Sebenarnya interaksi antara ibu dan anak adalah paling penting kerana melalui struktur interaksi antara ibu dengan anak akan membantu kanak-kanak menerima dan menemui bentuk bahasa orang dewasa seperti apa yang terkandung di dalam interaksi tersebut. Daripada kajian yang dilakukan oleh ahli-ahli bahasa mendapati bahawa hasil daripada interaksi di antara ibu bapa dengan kanak-kanak telah memberikan peluang yang lebih banyak untuk kanak-kanak mempelajari dan akhirnya menguasai perkataan, makna dan struktur ayat daripada kedua ibu bapa mereka. Ibu bapa biasanya tahu menggunakan strategi tertentu untuk berkomunikasi dengan anak-anaknya iaitu bila mereka berkomunikasi dengan anak-anak yang lebih muda (iaitu anak-anak yang berusia antara 18-25 bulan) mereka akan menggunakan bahasa yang lebih mudah seperti struktur ayat yang lebih mudah dan ringkas serta makna yang senang difahami. Manakala apabila berkomunikasi dengan anak yang lebih tua

(iaitu anak-anak yang berusia dalam lingkungan 45-95 bulan) pula mereka biasanya akan menggunakan bahasa yang lebih kompleks.

Daripada penerangan di atas ternyata bahawa ibu bapa penting sebagai faktor utama membantu perkembangan bahasa kanak-kanak. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan sebagai model komunikasi yang sentiasa menyesuaikan bahasa percakapan mereka apabila berkomunikasi dengan anak-anak mereka. Biasanya seorang ibu akan cuba membantu anak-anak mengenali sesuatu dengan cara bercakap dalam bentuk yang paling mudah dengan anak-anak kecilnya, misalnya semasa ibu memberikan anaknya susu, beliau akan menyebutkan perkataan "susu" atau "nenen" kepada anaknya itu, jadi secara tidak langsung si ibu telah mengajar anaknya satu perkataan yang diaplikasikan terus dengan perbuatan yang merujuk kepada makna perkataan tersebut. Ini secara tidak langsung akan membantu kanak-kanak tersebut mempelajari bahasa yang nantinya akan dikuasai setelah beliau sering mendengar daripada ibunya. Begitu juga apabila kanak-kanak bermain, ibunya akan menyebut nama-nama objek dan perlakuan-perlakuan yang sesuai dengan objek tersebut dan kanak-kanak akan mengulanginya secara berulangan dan jika permainan itu mengembirakan, kanak-kanak akan mengulanginya secara berulang-ulang dan akhirnya ini akan membantu beliau menguasai permainan tersebut dan juga mengingati nama-nama alat-alat permainan serta aktiviti-aktiviti semasa bermain seperti bangun, duduk, berlari dan sebagainya. Dengan ini secara tidak langsung kanak-kanak telah mengalami proses pembelajaran bahasa.

Sebenarnya mengikut pendapat ahli-ahli bahasa, permainan adalah salah satu daripada cara yang dapat membantu mempercepatkan pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak.

Untuk menjelaskan lagi peranan ibu dalam membantu perkembangan, pemerolehan bahasa dan komunikasi kanak-kanak di peringkat awal (semasa masih bayi), di bawah ini diberikan contoh perbualan mudah antara ibu dan anaknya yang berusia tiga bulan:

Ann (3 months): (smiles)

Mother : Oh, what a nice little smile !, yes, isn't that nice ?
There's a nice little smile.

Ann : (burps)

Mother : What a nice wind as well !, yes, that's better isn't it ?,
yes, yes.

Ann : (vocalizes)

Mother : Yes, there is a nice noise !

(Chaterine Snow, 1977)

Perbualan di atas menunjukkan bagaimana seorang ibu sedang melatih dan mengajar anaknya berkomunikasi dengannya. Ibu sebagai orang yang paling rapat dan sentiasa bersama dengan bayi akan dapat mempengaruhi perkembangan dan pemerolehan bahasa anak-anak mereka. Ibu-ibu yang rajin dan prihatin akan melayani kerendahan anak mereka dan membuat perhatian ke atas setiap perubahan yang berlaku kepada anaknya termasuklah aspek komunikasi. Mereka akan melayani anaknya bercakap dan memperkenalkan objek-objek dan aktiviti-aktiviti tertentu sama ada dengan cara menunjukkan gambar pada anak-anak mereka atau pun berdasarkan apa yang ada di

sekelling mereka pada masa itu. Cara ini dapat membantu mempercepatkan pemerolehan bahasa di kalangan anak-anak mereka.

2.4 Perkembangan Bahasa Verbal Dalam Proses Pemerolehan Dan Penguasaan Bahasa Di kalangan Kanak-Kanak

Komunikasi boleh didefinisikan sebagai berkongsi makna. Bila bercakap seseorang itu akan berkongsi ulasan atau deskripsi tentang manusia, peristiwa, idea dan perasaan. Semasa berkomunikasi juga manusia berkongsi pendapat, perbahasan, perbincangan dan perasaan. Makna lain bagi memahami komunikasi boleh didasarkan kepada tiga asas bahasa verbal yang penting iaitu perkataan, struktur dan semantik (makna). Bunyi yang digunakan dalam komunikasi dikenali sebagai sistem fonologi dalam bahasa kita. Dalam pendekatan ini fonem didefinisikan sebagai “*sound bundles*” atau faktor distingtif. Sebelum kanak-kanak memperolehi struktur ayat yang kompleks, mereka mempunyai potensi untuk berkomunikasi dengan lebih spesifik menggunakan maksud yang halus. Kanak-kanak juga memperolehi aturan semantik dalam bahasa mereka dalam keadaan yang perlahan dan bentuk yang stabil. Kanak-kanak biasanya akan mengambil masa yang lama untuk menguasai makna ayat berbanding dengan belajar bunyi dan struktur ayat bahasa mereka.

Kanak-kanak biasanya agak susah untuk menyatakan apa yang mereka maksudkan di peringkat awal perkembangan bahasa mereka, ini adalah kerana

"kamus makna" yang ada pada mereka adalah tidak kompleks sehinggahal mereka mencapai masa remaja. Biasanya kamus bagi menyatakan maksud bagi kanak-kanak kecil hanyalah berasaskan pada apa yang dirasakan, disentuh dan pada sesuatu yang bersifat konkrit. Contohnya, makna perkataan ibu bagi kanak-kanak adalah berdasarkan apa yang dilihatnya seperti umur orang itu (dewasa), saiz tubuh badan dan melihat pada pakaian yang dipakainya. Kanak-kanak yang berusia satu tahun mungkin hanya menggunakan 5-10 patah perkataan untuk berkomunikasi dengan yang lain. Manakala kanak-kanak yang berusia satu hingga dua tahun pula mungkin boleh menggunakan lebih daripada 200 patah perkataan yang berbeza. Biasanya kanak-kanak yang masih berada di peringkat *"single-word stage"* atau peringkat satu kata mempunyai pertumbuhan kata yang banyak dan pelbagai untuk membuat ayat. Mengikut kajian yang dibuat oleh Lois Bloom, keadaan ini mungkin berlaku disebabkan kanak-kanak di bawah umur dua tahun masih tidak mengetahui kod linguistik yang sempurna untuk membolehkannya meletakkan perkataan secara bersama dalam bentuk ayat. Mengikut Bloom lagi, kanak-kanak tidak mempelajari bahagian-bahagian tertentu dalam percakapan orang dewasa seperti *"nouns"* atau kata nama dan *"preposition"* atau kata depan tetapi mereka biasanya menyebut sesuatu berdasarkan pengalaman mereka sendiri dan menggunakan bahasa sebagai kod untuk menunjukkan pengalaman tersebut dalam komunikasinya dengan yang lain.

Seorang pengkaji yang lebih awal daripada Bloom ialah Warner Leopold. Beliau telah menjalankan kajian terhadap anaknya sendiri dan beliau telah menyusun perkataan-perkataan awal ke dalam kumpulan semantik yang digunakan oleh kanak-kanak di peringkat awal kehidupan mereka seperti perkataan-perkataan untuk makanan, permainan, alat-alat permainan, manusia, bahagian-bahagian tubuh badan manusia, pakaian, rutin harian di rumah, binatang dan juga perkataan-perkataan lain seperti kenapa, apa, mengapa dan lain-lain lagi. Berdasarkan kajian beliau, kanak-kanak yang mengucapkan “*single-word*” (tidak dalam bentuk ayat) biasanya akan membuat sebutan berdasarkan apa yang berlaku pada masa itu, contohnya jika mereka bermain dengan bola, mereka akan menyebut perkataan bola dan jika mereka sedang *minum susu* pada masa itu mereka akan menyebut perkataan *susu* dan sebagainya lagi. Kanak-kanak yang masih di peringkat “*single word*” biasanya akan menyebutkan nama objek apabila disentuhnya tidak sebelum atau selepas menyentuhnya. Biasanya mereka juga tidak akan memulakan interaksi dengan orang dewasa tetapi mereka akan mengikut percakapan dan apa yang diucapkan oleh orang-orang dewasa. Bentuk percakapannya adalah meniru bentuk percakapan orang dewasa. Biasanya kanak-kanak akan mengikut bentuk percakapan dan apa yang diucapkan oleh ibu bapa mereka dalam perkembangan bahasa mereka. Sesetengah kanak-kanak biasanya menggunakan bentuk perfomatif (seperti bunyi atau perkataan yang menunjukkan aksi yang ditiru dari sesuatu) misalnya bila mereka bermain

dengan kereta, maka mereka akan cuba membunyikan bunyi enjin kereta seperti (r r r) dan apabila bermain dengan *blocks* mereka akan menghasilkan pula perkataan-perkataan seperti (2, 3, 4) dan sebagainya. Kanak-kanak di peringkat "single word" juga biasanya lebih menggunakan perkataan yang berdasarkan kepada objek yang dilihatnya. Contohnya bila kanak-kanak melihat sudu jatuh dari atas beliau akan mengatakan 'sudu'.

2.5 "Perluasan Berlebihan" Dan "Penyempitan Berlebihan"

2.5.1 "Perluasan Berlebihan" Di kalangan Kanak-Kanak Di peringkat Awal Pemerolehan Bahasa

Kanak-kanak mungkin memanggil semua objek bulat sebagai 'bola' dan semua benda yang berbulu sebagai 'kucing'. Keadaan ini dipanggil sebagai 'perluasan berlebihan' kerana kanak-kanak telah mengagak dan menghubungkan satu objek dengan objek yang lain dan secara dasarnya kanak-kanak tersebut telah memanggil semua objek itu dengan nama yang sama. Mengapa ini berlaku? Ada pengkaji yang telah mencadangkan bahawa kanak-kanak biasanya mengalami dua atau lebih situasi yang agak sama dan mereka akan menggunakan perkataan yang sama untuk setiap situasi tersebut (Wood. 1981). Pendapat lain pula mengatakan bahawa kanak-kanak kadangkala mempunyai masalah "retrieve" (penemuan) iaitu mereka dikatakan tidak dapat mencari perkataan-perkataan yang sesuai dan betul untuk menerangkan tentang satu-satu perkara atau situasi pada masa tersebut. Oleh itu mereka

telah mengambil satu perkataan yang dirasakan dapat menerangkan keadaan tersebut yang bersifat "*like it*" atau bersifat 'seperti' kerana kanak-kanak masih mempunyai perbendaharaan kata yang terhad untuk menerangkan tentang keadaan tersebut atau tentang sesuatu benda itu (Wood, 1981).

Jadi, jelaslah bahawa 'perluasan berlebihan' di kalangan kanak-kanak di peringkat awal perkembangan bahasa dan komunikasinya adalah disebabkan oleh masalah penguasaan perbendaharaan kata yang terhad. Biasanya semua bentuk perkataan yang lahir daripada mulut kanak-kanak adalah di pengaruh oleh persekitaran mereka. Jika seseorang kanak-kanak itu didesak untuk menyatakan nama sesuatu atau bercakap tentang sesuatu di sekeliling mereka, maka 'perluasan berlebihan' mungkin banyak berlaku, terutamanya apabila kanak-kanak tersebut tidak diberikan latihan bercakap dan tidak diperkenalkan kepadanya tentang semua benda dan keadaan yang wujud di persekitaran mereka itu (Thomson, 1977).

Eve Clark berpendapat, pada peringkat awal perkembangan bahasa di kalangan kanak-kanak, mereka hanyalah mempunyai sedikit sahaja perbendaharaan kata untuk berkomunikasi. Sungguhpun mereka sentiasa mempelajari perkataan-perkataan baru tetapi mereka masih sering mengalami kesulitan untuk menemui perkataan-perkataan yang sesuai untuk menerangkan sesuatu. Menurut Clark, kanak-kanak sering ingin mengucapkan sesuatu, tetapi mereka tidak mempunyai perkataan yang sesuai untuk mengatakannya. Jadi 'perluasan berlebihan' wujud.

2.5.2 'Penyempitan berlebihan' Di kalangan Kanak-Kanak

'Penyempitan berlebihan' bermakna penyempitan makna. Apabila orang dewasa menyebut tumbuh-tumbuhan dan memberikan gambar pokok kepada kanak-kanak mereka tidak akan mengatakan itu sebagai *tumbuhan*. Kanak-kanak juga lebih susah untuk mengenal pasti objek yang tidak tipikal atau pinggiran, ini menyebabkan berlakunya keadaan 'penyempitan berlebihan' di kalangan mereka. Misalnya, *ikan paus* walaupun ia dipanggil sebagai *ikan paus* tetapi ia adalah binatang bukannya *ikan*. Tetapi apabila kita menunjukkan kepada kanak-kanak gambar *ikan paus* maka mereka akan mengatakan itu adalah *ikan*.

2.6 Kesimpulan

Kanak-kanak di peringkat awal perkembangan bahasa dan komunikasi dikenali sebagai kanak-kanak yang masih di peringkat "single word sentence". Biasanya kanak-kanak pada peringkat ini akan berkomunikasi mengenai pengalaman mereka dan mereka lebih banyak menggunakan kata nama (*substantive*) dan bentuk fungsi. Kelas kata nama ini biasanya meliputi nama-nama orang, benda dan sebagainya seperti nama-nama objek yang biasa. Sering objek-objek ini atau nama-nama ini difokuskan pada permintaan (*demand*) dan "single word" pula lebih kepada "wanting words" atau 'perkataan permintaan' dan kata-kata lain adalah lebih kepada "function form"

atau 'bentuk fungsi' seperti perkataan "*up*", "*more*" dan "*no*". Biasanya kanak-kanak akan bercakap mengenai keperluan-keperluan mereka sahaja.

Dalam keadaan-keadaan tertentu wujud 'perluasan berlebihan' apabila kanak-kanak menggunakan satu perkataan untuk merujuk kepada pelbagai situasi tertentu. Secara relatifnya, makna untuk perkataan-perkataan seperti "*older*", "*same*", "*it*" dan "*there*" berubah ke dalam makna yang lebih kompleks. Kajian terhadap pertumbuhan perbendaharaan kata di kalangan kanak-kanak mesti juga berpusat kepada perubahan makna bagi perkataan itu dalam lingkungan perbendaharaan kata tersebut.